

4

Kaedah Perolehan Sumber Maklumat Elektronik

KAEDAH PEROLEHAN SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK

Sumber maklumat elektronik mempunyai model harga dan perlesenan yang ditetapkan oleh pihak penerbit. Perpustakaan Universiti Malaysia Perlis membangunkan sumber maklumat elektronik melalui pendekatan langganan, pembangunan koleksi digital, perolehan dan penggunaan sumber langit terbuka (*open source systems*).

Perolehan Secara Langganan

Kebanyakan Pangkalan Data Bibliografik menawarkan model harga secara langganan tahunan. Kaedah langganan memerlukan pembaharuan langganan dilakukan setiap tahun pada tempoh masa yang ditetapkan. Penetapan kos langganan kebiasaannya bergantung kepada faktor *Full-Time Equivalent* (FTE) yang merujuk kepada jumlah bilangan pelajar pada peringkat ijazah dan lepasan

ijazah serta mengikuti kursus pengajian dengan bilangan jam kredit yang ditetapkan oleh institusi pengajian sebagai sepenuh masa (Reitz, 2004). Penggunaan kaedah ini dalam banyak keadaan dimanipulasi oleh pembekal perkhidmatan dalam aspek peningkatan kos penggunaan bagi institusi. Alasan ini kemudiannya digunakan oleh pihak pembekal sebagai satu faktor meningkatkan kos langganan tahunan. Selain itu, kaedah langganan juga menimbulkan isu berkaitan kos langganan yang sentiasa meningkat setiap tahun iaitu antara 8-15% setahun. Maklumat mengenai peningkatan kos langganan dimasukkan dalam terma lesen perjanjian untuk rujukan institusi yang melanggan. Peningkatan kos langganan dikaitkan oleh pembekal perkhidmatan dan penerbit dengan keperluan melaksanakan penyelenggaraan sistem, penambahbaikan *platform*, penambahan kandungan teks penuh dan pelbagai lagi. Apa yang penting, kaedah ini memerlukan perpustakaan memberi perhatian dalam aspek jaminan akses jangka masa panjang dan hak akses sekiranya langganan diberhentikan. Di Perpustakaan UniMAP, perolehan secara langganan tahunan dibuat bagi sumber elektronik berikut:

- o *Ebrary*
- o *EngNETBase*
- o *ProQuest Digital Dissertations*
- o *ScienceDirect*
- o *SIAM E-Journals*
- o *Emerald Management Xtra Plus*
- o *IEEE Explore*
- o *ACM Digital Library*
- o *SpringerLink*
- o *IOP Online Journals*
- o *ASME*